

# Penjawat awam mengaku tidak bersalah pecah amanah wang lebih RM1.1 juta milik JKM Miri



**KEMUKA PENGADILAN:** Tertuduh (dua kanan) semasa dibawa ke Mahkamah Majistret Miri, semalam oleh pegawai penyiasat Inspektor Sisim Abdul Samad (dua kiri) bersama anggota Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

**MIRI:** Seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 12 pertuduhan melakukan pecah amanah jenayah dengan menyeleweng wang keseluruhan berjumlah lebih RM1.1 juta milik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Miri.

Tertuduh, 43, dari Kuala Baram, didakwa melakukan kesalahan itu ketika diamanah menguruskan wang jabatan berkenaan di pejabat JKM Miri.

Berdasarkan pertuduhan pertama, tertuduh didakwa secara tidak jujur menyeleweng wang milik JKM Miri berjumlah RM16,000 untuk kegunaan peribadi dengan memindahkan jumlah tersebut ke dalam akaun bank miliknya.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada 17 Februari 2022.

Bagi 11 pertuduhan seterusnya, dia

didakwa melakukan perbuatan sama membabitkan wang masing-masing berjumlah RM20,000 pada 11 Mac 2022, RM32,000 (2 April 2022), RM66,000 (26 April 2022), RM40,000 (27 Mei 2022), RM90,000 (9 Julai 2022), RM96,500 (9 Ogos 2022), RM263,000 (9 September 2022), RM56,250 (13 Oktober 2022), RM146,700 (5 November 2022), RM23,900 (3 Disember 2022) dan RM250,850 (4 Januari 2023).

Kesemua perbuatan itu didakwa dilakukan di pejabat JKM Miri ketika tertuduh diamanahkan dengan penguasaan terhadap harta berkenaan.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dua tahun dan tidak melebihi 20 tahun serta sebat, dan boleh dikenakan

denda jika sabit kesalahan bagi setiap pertuduhan.

Di hadapan mahkamah, Timbalan Pendakwa Raya Ruvinasini Pandian memohon satu tarikh baharu ditetapkan untuk pengurusan kes.

Beliau turut memohon agar tertuduh tidak ditawarkan jaminan memandangkan kes ini melibatkan kepentingan awam serta wang jabatan yang besar iaitu melebihi RM1 juta.

Bagaimanapun katanya, sekiranya mahkamah membenarkan ikat jamin, beliau memohon jaminan tinggi sebanyak RM30,000 berserta dua penjamin tempatan yang mempunyai pekerjaan tetap bagi setiap pertuduhan, dengan mengambilkira keseriusan kesalahan serta jumlah kerugian.

# Penjawat awam mengaku tidak bersalah pecah amanah wang lebih RM1.1 juta milik JKM Miri

## ► Dari Muka 1

Permohonan itu dibantah peguam bela Firdaus Morsidi dan Mohd Ikmal Iqbal Baharuddin yang mewakili tertuduh dengan alasan anak guam mereka merupakan seorang penjawat awam dan kini bertugas di Kompleks Mahkamah Miri serta tidak

mungkin akan melarikan diri.

Tambahan mereka, anak guam tersebut turut mempunyai masalah kesihatan dan sekiranya ditahan lama, akan menjejaskan kesihatannya.

Hakim Afidah Abdul Rahman menetapkan 16 Jun depan sebagai tarikh penguru-

san kes dan tertuduh dibebaskan dengan jaminan RM100,000 berserta dua penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Sebagai syarat tambahan, tertuduh dikehendaki menyerahkan pasportnya kepada polis serta melapor diri di balai polis sekali sebulan sehingga kes selesai.